

13/02/2001

Melayu perlu bersatu untuk memelihara hak

Shamshawal Azraai Ahmad

MEMAHAMI peri pentingnya perpaduan Melayu, sama ada bersifat mikro mahupun makro, amat perlu bagi orang Melayu agar mereka tahu pahit maung perjuangan nenek moyang kita menegakkan kedaulatan bangsa sejak mula dijajah oleh Portugis di Melaka pada 1511.

Selama 446 tahun lamanya bangsa Melayu memperjuangkan kedaulatan bangsanya. Pelbagai cara digunakan untuk menegakkan kedaulatan, sama ada menerusi pertempuran, rundingan mahupun perhimpunan agar matlamat untuk mengembalikan kedaulatan bangsa Melayu di tanah air sendiri tercapai.

Di antara pelbagai usaha nenek moyang kita, satu-satunya usaha yang berjaya merintis jalan ke arah memartabatkan orang Melayu ialah perhimpunan Melayu pada 1946.

Perhimpunan 1946 ini melahirkan Umno dan akhirnya setelah melalui pelbagai kerenah penjajah, Tanah Melayu berjaya mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang diusahakan oleh Umno sebenarnya adalah kejayaan perpaduan Melayu secara keseluruhan dan bukannya kejayaan Umno semata-mata.

Kemerdekaan orang Melayu yang dirintis oleh Umno ini bukannya mudah. Strategi British dalam menganugerahkan kemerdekaan bukan saja untuk orang Melayu, malah perlu membabitkan penghuni lain, iaitu Cina, India dan lain-lain bangsa.

Akhirnya formula Umno hasil pakatan bestarinya melalui MCA yang kemudian diikuti oleh MIC, akhirnya kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu diberikan kepada kaum Cina dan India serta lain-lain bangsa. Pada masa yang sama, ketuanan Melayu dikembalikan di bumi tercinta ini.

Alangkah peliknya sekarang, orang Cina cuba memelihara apa saja yang dilihat boleh menggugat bangsa mereka seperti isu Sekolah Wawasan yang seolah-olah dilihat sebagai ancaman kepada identiti dan kebudayaan hingga membuatkan mereka bangkit menangani isu ini dari pelbagai sudut.

MCA dan Gerakan walaupun bersetuju dengan kerajaan mengenai isu Sekolah Wawasan ini, mahukan ia diselesaikan dengan penuh ketelitian agar tidak timbul salah faham.

Perpaduan Melayu adalah penting kerana jika Melayu berpecah-belah di dalam pelbagai isu, khususnya yang membabitkan hak keistimewaan mereka sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan, maka mereka sendirilah yang menghancurkan kedaulatan bangsa.

Perlu diingat Melayu pernah dijajah kerana mereka lemah, tamak kuasa dan kekayaan serta berpecah-belah. Insiden sebegini boleh berlaku lagi jika ia tidak segera dibendung oleh orang Melayu sendiri.

Melayu sepatutnya bersatu di dalam isu yang membabitkan hak keistimewaan mereka sebagai pribumi Malaysia. Bahasa Melayu, agama Islam, hak-hak orang Melayu seperti tanah simpan orang Melayu hendaklah dipelihara agar Melayu mampu berdiri sama tinggi dengan bangsa lain.

Memang tidak dinafikan dari segi ideologi politik, akan ada perbezaan pendapat. Namun, apa yang ingin ditegaskan apabila sampai ketikanya sesuatu isu itu membabitkan hak keistimewaan orang Melayu, semua orang Melayu tanpa mengira ideologi politik perlu bersatu memelihara hak mereka.

Jika perkara ini tidak ditangani dengan serius oleh orang Melayu, maka mereka tidak perlulah lagi merujuk kepada sejarah bagaimana bangsa mereka tertindas dan terjajah.

Hinggakan apabila ingin mencapai kemerdekaan pun, Melayu terpaksa

berkompromi dengan bangsa asing yang menghuni negara ini bagi memenuhi kehendak penjajah supaya kedaulatan mereka selaku pribumi di tanah air sendiri diberikan kepada mereka.

Orang Melayu patut sedar hak mereka sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pas besar kemungkinan mempunyai perbezaan pendapat tentang perkara ini dan Keadilan lagilah mempunyai pendapat berbeza. Sama ada ia bersifat demokrasi Islam ala Umno, pemerintahan Islam mengikut konteks Pas ataupun demokrasi ala Keadilan, Melayu sepatutnya bersatu di dalam memelihara hak mereka.

Saya tak tahulah mungkin ada orang Melayu yang sudah tidak mahukan lagi bantuan khas pinjaman untuk Melayu/Bumiputera di dalam perniagaan, tanah simpanan orang Melayu, penyertaan besar Melayu/Bumiputera di dalam sektor awam/pertahanan awam, skim-skim khas untuk Melayu/Bumiputera dan lain-lain lagi yang dilihat sebagai menjaga kepentingan mereka dengan alasan ia tidak diharuskan oleh agama Islam ataupun ia tidak demokratik atau tidak adil untuk bangsa lain.

Saya yakin masih ramai orang Melayu yang bersetuju dengan saya tentang perlunya keistimewaan mereka dipelihara.

Pada pendapat saya, pertemuan di antara Umno dan Pas secara dasarnya perlu bersepakat untuk sama-sama bertanggungjawab menjaga keistimewaan orang Melayu.

Cuma yang berbeza ialah dari segi pelaksanaannya. Umno selaku parti orang Melayu yang memerintah hendaklah terus menerus memartabatkan kedudukan orang Melayu di negara ini.

Persoalan bahawa Pas mahukan isu yang lebih luas untuk dibincangkan selain isu perpaduan Melayu ini sebenarnya tidak perlu menjadi agenda pertemuan kali ini.

Sebenarnya banyak isu yang boleh diketengahkan, antaranya:

- * Pemeliharaan orang Melayu dan agama Islam sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan. Umno boleh meminta Pas memberikan penjelasan mengenai pemahaman Pas terhadap konsep pemerintahan Islam yang menjadi pegangannya.

- * Berbincang dan bertukar pendapat mengenai bagaimana untuk memantapkan lagi kedudukan Melayu di dalam perkara berikut:

- i Politik (penyatuan Umno-Pas seperti 1974 atau penubuhan Majlis Melayu seperti yang diutarakan oleh Datuk Dr Rais Yatim);

- ii Ekonomi;

- iii Kebudayaan dan kesusasteraan;

- iv Pendidikan (khususnya tentang masa depan sekolah agama rakyat dan institusi pondok);

- v Keselamatan negara;

- vi Kediaman (masalah setinggan Melayu);

- vii Berbincang ke arah mencari jalan penyelesaian masalah yang membabitkan orang Melayu seperti gejala penagihan dadah, keruntuhan moral anak Melayu, kurangnya pelajar lelaki Melayu memasuki IPT, gejala lari rumah, bohsia, bohan serta ketagihan pil ecstasy.

Pertemuan Umno-Pas amat menarik kerana perbezaan pendapat Melayu dari segi konteks politik semakin menampakkan jurang semakin ketara. Kini ia terbahagi kepada tiga ideologi politik utama, iaitu ideologi politik Umno, Pas dan Keadilan.

Pertemuan Umno-Pas sebenarnya akan lebih dilihat sebagai penyatuan Melayu dari perspektif politik.

Persoalannya ialah bagaimana Umno dan Pas boleh mencapai satu jalan penyelesaian ke arah mencapai perpaduan Melayu secara kolektif? Kita hanya boleh tunggu dan lihat.

Khabarnya, Barisan Alternatif juga menjemput Barisan Nasional

membincangkan pelbagai isu di peringkat nasional. Dalam perkataan lain, isu yang lebih luas daripada perihal perpaduan Melayu. Saya yakin BN akan memberikan respon positif di dalam hal ini.

Dalam konteks Pas pula, sekiranya mereka berkeras mahu membincangkan isu yang bersifat lebih luas daripada ruang lingkup perpaduan Melayu, maka apa perlunya Pas bersetuju menerusi Barisan Alternatif menjemput Barisan Nasional untuk duduk berbincang mengenai isu yang lebih bersifat nasional?

Sebenarnya di dalam isu perpaduan Melayu ini, Pas begitu licik. Pas ingin menunjukkan kepada orang Melayu dan bukan Melayu bahawa ia bersifat lebih ke hadapan daripada Umno dengan saranan membincangkan isu-isu yang melangkau isu perpaduan Melayu.

Gerak kerja Pas selama ini untuk menarik minat bukan Melayu/bukan Islam kepada Pas seakan-akan cuba menunjukkan kepada bukan Melayu dan bukan Islam Pas juga sebuah parti yang bersifat liberal kepada mereka.

Maka, bukan Melayu/Islam akan melihat Pas nanti sebagai parti yang memperjuangkan agama Islam saja dan tidak akan mengacau kebudayaan, agama dan identiti mereka.

Pada pandangan saya Pas sekarang sudah pandai mengenakan kosmetik politik pada dirinya agar ia disukai rakyat tanpa mengira kaum dan agama, tidak seperti keadaannya pada masa lampau yang begitu berbeza.

Kini matlamat Pas, pada perhitungan saya, ialah agar ia dilihat sebagai sebuah parti yang liberal dan terbuka.

Pada pandangan saya, jemputan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah ikhlas. Saya yakin Perdana Menteri amat arif tentang apa yang akan dilakukannya dalam membincangkan isu perpaduan Melayu ini.

Sebagai seorang yang melalui kehidupan sebelum dan selepas kemerdekaan, Dr Mahathir semestinya lebih mengetahui peri pentingnya perpaduan Melayu agar kekal utuh walaupun wujudnya pelbagai perbezaan ideologi.